

12

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR

419

PERMOHONAN JENAYAH NO. 44 - 18 TAHUN 2001

Dalam perkara satu permohonan oleh
Hishamuddin bin Rais untuk arahan dalam
hal Habeas Corpus

DAN

Dalam perkara Fasal 5(1), 5(2) 5(3) dan 149
Perlembagaan Persekutuan

DAN

Di dalam perkara seksyen 73 Akta
Keselamatan Dalam Negeri, 1960 (Akta 82).

DAN

Di dalam perkara Seksyen 365(1) Kanun
Prosedur Jenayah (FMS Cap 6)

ANTARA

HISHAMUDDIN BIN RAIS

PEMOHON

DAN

KETUA POLIS NEGARA

RESPONDEN

AFIDAVIT JAWAPAN TAMBAHAN

Saya, Tan Sri Norian bin Mai, Nombor Polis G/5189, seorang warganegara Malaysia yang cukup umur dan beralamat di No. 19, Jalan Terusan, Seksyen 8/26, 84000 Shah Alam, Selangor dengan sesungguhnya berikrar dan menyatakan seperti berikut:-

1. Saya adalah Ketua Polis Negara bertugas di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Kuala Lumpur.
2. Saya berhak membuat afidavit ini dan mempunyai pengetahuan berkenaan fakta-fakta dan keadaan-keadaan berhubung dengan perkara ini kecuali di mana dinyatakan sebaliknya.
3. Saya merujuk kepada Afidavit Jawapan saya yang diikrarkan pada 15.4.2001 dan difailkan pada 16.4.2001 saya sesungguhnya menyatakan daripada maklumat yang diterima berhubung dengan kegiatan orang tahanan bernama HISHAMUDDIN BIN RAIS (selepas ini disebut sebagai "Pemohon") saya mempunyai sebab-sebab untuk mempercayai bahawa terdapat alasan-alasan yang boleh mewajarkan Pemohon ditahan di bawah seksyen 8 Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (Akta 82).
4. Saya mempercayai bahawa butir-butir maklumat yang diterima dan siasatan terperinci yang sedang dijalankan berhubung kegiatan-kegiatan Pemohon selain daripada maklumat yang dinyatakan di dalam kenyataan akhbar saya yang bertarikh 11.4.2001, tidak boleh diberitahu dan didedahkan kerana saya mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa dengan berbuat demikian ia adalah bertentangan dengan kepentingan keselamatan Malaysia.

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR

PERMOHONAN JENAYAH NO. 44 - 18 TAHUN 2001

Dalam perkara satu permohonan oleh
Hishamuddin bin Rais untuk arahan
dalam hal Habeas Corpus

Dan

Dalam perkara Fasal 5(1), 5(2), 5(3) dan
149 Perlembagaan Persekutuan

Dan

Di dalam perkara seksyen 73 Akta
Keselamatan Dalam Negeri, 1960 (Akta
82)

Dan

Di dalam perkara Seksyen 365(1) Kanun
Prosedur Jenayah (FMS Cap 6)

ANTARA

HISHAMUDDIN BIN RAIS

PEMOHON


DAN

KETUA POLIS NEGARA

RESPONDEN

JURAT


Berkenaan dengan affidavit oleh)
 Deponen bernama **TAN SRI NORIAN BIN MAI**)
 Diikrarkan pada 17 Haribulan *April* 2001)
 di Putrajaya, Wilayah Persekutuan)



Di hadapan



Pesuruhjaya Sumpah



CAWANGAN AMP DADAH
 IBU PEJABAT POLIS DIRAJA MALAYSIA
 BUKIT AGAS
 50560 KUALA LUMPUR

Affidavit Tan Sri Norian bin Mai yang diikrar pada 17.4.2001 dan difailkan pada 18.4.2001 oleh Peguam Kanan Persekutuan untuk dan bagi pihak Responden beralamat di Jabatan Peguam Negara, Aras 1-8, Blok C3, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya.